

Perbelanjaan Keluarga

Zara dan keluarganya sedang bercuti di sebuah pusat peranginan. Dia berasa kagum akan cara ayahnya mengurus kewangan keluarga mereka.

Zara mengucapkan terima kasih kepada ayahnya kerana membawa keluarganya bercuti.

“Ayah, bagaimanakah cara ayah mengurus perbelanjaan keluarga kita ” tanya Zara.

“Mudah sahaja Zara Ayah cuma mencatat semua perbelanjaan setiap hari. Ayah juga akan membuat analyses perbelanjaan setiap bulan,” kata ayahnya.



Mengapakah ayah berbuat demikian pada setiap bulan? tanya Zara.

“Kita perlu membuat perincian perbelanjaan supaya kita tahu akan jumlah perbelanjaan dan lebihan wang setiap bulan.

Namun, ayah memberikan fokus kepada simpanan sebelum berbelanja. Ayah juga membuat tabungan untuk menghadapi kecemasan,” jelas ayahnya.

“Bagaimanakah pula jika tiada wang lebehan perbelanjaan pada bulan ini?” tanya Zara.

“Kalau begitu, ayah akan mengkaji semula setiap perbelanjaan. Ayah akan mengenal pasti perbelanjaan yang tidak perlu dan menyusun perbelanjaan semula supaya dapat menyimpan. Preinsip ayah ialah jangan berhutang untuk perkara yang tidak penting,” jelas ayahnya.

“Wah hebatnya ayah merancang Patutlah kita dapat bercuti di sini,” kata Zara sambil tersenyum.



Aktiviti

Mengedit kesalahan ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan untuk memurnikan ayat.



- Bimbing murid mengedit dan memurnikan ayat daripada aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar
KBAT: Menulis
EMK: Nilai Murni - Bertanggungjawab

LIVEWORKSHEETS
KPM